

PENYELIAAN PENGAJARAN PEMBELAJARAN

TUJUAN

- Membolehkan pengurus melaksanakan tugas penyeliaan secara objektif, bermakna dan berkesan.
- Memahirkan pengurus dalam proses dan prosedur penyeliaan bersifat perkembangan (development supervision)
- Menolong pengurus merancang program latihan kemajuan staf yang lebih relevan.

PENGERTIAN

Penyeliaan dalam konteks sekolah bermaksud penyeliaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah iaitu memfokus kepada penyeliaan kurikulum operasi. Glatthorn (1984) memberi pengertian penyeliaan pembelajaran seperti berikut :

"a process designed to improve instruction by conferring with the teacher on lesson planning, observing the lesson, analyzing the observation data, and giving the teacher feedback about the observation."

Konsep penyeliaan mengandungi maksud

- memerhati,
- mengendali,
- membimbing,
- memuji,
- menegur,
- menyelenggara,
- memperbaiki,

- menilai,
- merunding

Walaupun bagaimanapun, satu kitaran kerja penyeliaan hanya tamat apabila guru telah meningkatkan kemahiran pengajarannya.

Dengan ini, penyeliaan haruslah membawa perubahan positif atau pembangunan diri dan profesional. Begitu juga, pembaharuan diri guru untuk meningkatkan mutu pengajarannya. Seterusnya, pembelajaran murid-murid. Ia tidak seharusnya merupakan satu kerja untuk memenuhi kehendak pihak atasan atau arahan luar. Aspek pembangunan diri dan profesional/*self renewal* meliputi :

- *sense of purpose* (komitmen, motivasi dan hala tuju)
- persepsi guru mengenai murid
- pengetahuan mengenai kandungan mata pelajaran
- penguasaan teknik dan kemahiran mengajar

Penyeliaan pengajaran pembelajaran mencari pemahaman dan jawapan kepada :

- apa sebenarnya berlaku dalam bilik darjah
- apa guru dan murid sebenarnya lakukan
- apa sebenarnya hasil pembelajaran

- apa sepatutnya berlaku dalam situasi bilik darjah apabila diambilkira matlamat agenda pendidikan. Seterusnya, pengetahuan mengenai cara murid belajar serta memahami struktur kandungan yang hendak diajar.
- apa makna sebenar proses (kejadian) dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi guru dan pelajar.
- apa makna peribadi yang dibina oleh pelajar tanpa mengira maksud bagi guru
- bagaimana pentafsiran pengurus dan guru mengenai pengajaran berbeza
- apa patut dilakukan untuk menghasilkan pemahaman mengenai pengajaran dan pembelajaran dan menghasilkan pembelajaran kepada guru dan pengurus.

Jenis Penyeliaan

- Penyeliaan umum atau Pentadbiran
- Penyeliaan Klinikal
- Penyeliaan Berbeza
- Penyeliaan Rakan Sejawat
- Penyeliaan Informal (secara tidak berstruktur, kerap, ringkas dan pemerhatian informal)

- Penyeliaan Pandu Kendiri
- Penyeliaan Berasaskan Inkuiri

Umumnya, penyeliaan melibatkan unsur-unsur yang tidak dapat dipisahkan :

- Pentadbiran (*administrative*)
- Perkembangan (*developmental*)
- Pembaik pemulihan (*remedial*)
- Pencegahan (*prevention*)

Kejayaan penyeliaan untuk membawa perubahan kepada diri guru bergantung pada kualiti perhubungan yang wujud antara pengurus dengan guru.

Peranan dan Tugas Penyelia

Peranan	Tugas
Kaunselor/enabler	Merancang
Fasilitator	Memerhati
Pengurus	Merekod/mencatat
Pemerhati	Menganalisis
Pengajar/Jurulatih	Merunding
Penilai	Menjalankan aktiviti
Pemberi maklum balas	Susulan

Setiap peranan penyelia itu memerlukan kemahiran-kemahiran teras yang tertentu pula.

Pendekatan

Graffith (1973) mengemukakan tiga pendekatan yang boleh digunakan semasa mengadakan perjumpaan selepas pemerhatian iaitu :

- (i) memberitahu dan memujuk (*tell and persuade*)
- (ii) memberitahu dan mendengar (*tell and listen*)
- (iii) menyelesaikan masalah (*problem solving*) serta, mencari alternatif-alternatif.

Rasional Penyeliaan

- Pekeliling Bil. 3/1987 KP (BS) 8591/Jld.II (77) bertarikh 11 November, 1987 menghendaki Guru Besar melaksanakan penyeliaan dalam bilik darjah secara rapi dan sistematik untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolahnya.
- Melalui penyeliaan, guru dapat dibimbing dan dibantu ke arah perubahan iaitu peningkatan mutu pengajarannya. Guru yang tidak pernah diawasi pengajarannya selepas mengikuti latihan perguruan mungkin terus melakukan kesilapan-kesilapan tanpa menyedarinya. Kelaziman yang terbentuk akan sukar untuk dibuat perubahan walaupun perubahan amat diperlukan.

Objektif Penyeliaan

- Membantu guru meningkatkan mutu pelajaran supaya pengajaran bertambah berkesan dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
- Memastikan kurikulum rasmi dilaksanakan di bilik darjah seperti yang dikehendaki.
- Melihat dengan lebih dekat lagi tentang keadaan sebenar yang berlaku dalam bilik darjah agar kelemahan-kelemahan dapat diperbaiki dan amalan-amalan yang baik dapat dikukuhkan.
- Memberi motivasi kepada guru apabila pengurusnya mengambil tahu tentang pengajarannya.
- Memberi maklumbalas kepada guru tentang status quo pengajarannya.
- Menilai prestasi/kemahiran mengajar guru.

Langkah-langkah Penyeliaan

- Menetapkan Kontrak Penyeliaan dasar umum mengenai penyeliaan – Penjelasan dan persetujuan mengenai falsafah, tujuan, proses, prosedur, jadual, fokus, matlamat dan maklum balas, aktiviti susulan dan lain-lain.
- Persediaan Guru dan Sokongan Pengurus – Objektif pelajaran, teknik penyampaian, penilaian, keperluan resos, keperluan kepakaran, percubaan, pengendalian dan khidmat sokongan pengurus.

- Perbincangan Pra-Pemerhatian dengan guru – sokongan moral, menyemak persediaan guru dan ringkasan mengajar, mengulang kaji (*review*) proses prosedur pemerhatian, serta objektif dan strategi pembelajaran, menguatkan hubungan profesional, menyelaraskan kemasukan ke kelas berkenaan.
- Pemerhatian Dalam Bilik Darjah – proses prosedur masuk dan keluar kelas, prinsip pemerhatian, tingkahlaku semasa memerhati, teknik merekod data, instrumen pemerhatian berfokus.
- Perbincangan
- Kaunseling Selepas Pemerhatian – menganalisis data, pilihan masa dan tempat perjumpaan, prinsip dan peraturan dalam sesi kaunseling, perbincangan berasaskan data, maklum balas berfokus, mencari alternatif, penetapan tindakan susulan.
- Tindakan Susulan – mengajar semula, latihan pengajaran mikro, rujukan, refleksi, latih tubi, demonstrasi dan lain-lain. Latihan penyeliaan berakhir apabila guru telah memperbaiki, meneguhkan atau menghalusi kemahiran pengajarannya.

Fokus Utama Penyeliaan

Penyeliaan harus memfokus kepada kecekapan guru. Terdapat sekurang-kurangnya empat kelompok kecekapan mengajar :

- **Kecekapan Teknikal**

- Penguasaan kaedah pengajaran, kemahiran-kemahiran spesifik (kemahiran menyool dan lain-lain), bagaimana menggunakan strategi mengajar, memilih dan mengelola kandungan kurikulum, menstruktur bilik darjah untuk pembelajaran dan teknik-teknik mengawal kelas.
- Menentukan apa harus diajar, bagaimana boleh dipelajari dan kriteria digunakan untuk mengukur kejayaan.

- **Kecekapan Klinikal**

- Bagaimana membuat keputusan secara reflektif dan tindakan menyelesaikan masalah praktikal, menimbang penuh tujuan dan amalan mengambil tindakan menangani masalah praktikal.

- **Kecekapan Peribadi**

- Kesedaran sendiri, pembinaan kemahiran interpretif, proses kelompok, membina gaya peribadi selaras dengan peranan sebagai guru.

- **Kecekapan Kritikal**

- Membuat keputusan reflektif dan tindakan menguatkan lagi usaha mewujudkan sekolah yang lebih adil dan rasional, menyuarakan

tentangan mengenai *permissiveness* dan bentuk-bentuk kawalan sosial yang bersifat menindas, membuat pendirian etika dan mengutamakan kualiti.

Etika Penyeliaan

Prinsip etika berikut hendaklah sentiasa mengawal penyeliaan :

- prinsip kebaikan – berkhidmat untuk kebaikan maksimum
- prinsip tidak menganiaya
- prinsip hormat-menghormati
- prinsip keadilan
- prinsip menerima seseorang sebagai unik
- prinsip kerahsiaan – tidak melanggar kerahsiaan
- prinsip pembangunan diri

RUJUKAN

- Abd. Shukor Abdullah, Pengurusan Penyeliaan Dalam Suasana Sekolah – Isu Strategi, In Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia, XXXII (71), 1998, m.s. 10-333.
- Abdul Rahman Haji Arshad, Tan Sri Datuk Wira, Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran di dalam kelas oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987, KP (BS)/Jld. 1 (77), 11 November, 1987. Kuala Lumpur Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan, 1987.
- Acheson, K & Gall, M (1980). Techniques in the Clinical Supervision Of Teachers, New York : Longman.
- Everston, C. & Holley, P (1981). Classroom Observation. In J. Millman (ED) Handbook of Teacher Evaluation. Beverly Hills, California : Suge.
- Clatthorn, A.A. (1984). Differentiated Supervision. ASCD.
- Gary, J.L. (1984). Supervision : An Applied Behavioural Science approach to Managing People, Boston.
- Glickman, C.D. (1985). Supervision of Instruction – A Developmental Approach. Boston : Allyn & Bacon Inc.
- Goldhammer, R., et.al. (1980). Clinical Supervision : Special Methods for the Supervision of Teacher. (2nd. Ed.) New York : Holt Rinehart & Winston.

- Griffith, F. (1973). *A Handbook for Observation of Teaching and Learning*. Midland, Michigan : Pendell.
- Hoy, W.K., & Forsyth. P. H. (1986). *Effective Supervision*. New York : Random House.
- Mac Gregor, D. (1960). *The Human Side of Enterprise*. New York : McGraw Hill.
- Ministry of Education Malaysia. (1985). *Education in Malaysia. Educational Planning and Research Division, Kuala Lumpur, Malaysia : Percetakan Pelangi Indah*.
- Rahimah H. Ahmad, Ph. D. *Penyeliaan Klinikal – Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah*. In *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia XXX (69)*, 198 m.s. 24-32.
- Sergiovanni, T. J. (1983). *Supervision : Human Perspectives*. New York : McGraw Hill Book CO.
- Sergiovanni, T.J. (1995). *The Principalship : A Reflective Practice Perspective*. Boston: Allyn & Bacon.
- Turney, C., et. al. (1982). *Supervisor Development Programmes : Role Handbook*. Sydney : University Press.